

U B218 AAB
MAHATHIR - THATCHER
DARIPADA WAN A. HULAIMI
(1)

LONDON, 21 JULAI (BERNAMA) -- PEMBUATAN BAHAGIAN-BAHAGIAN KERETA PROTON SAGA DENGAN KERJASAMA BRITISH MERUPAKAN SALAH SATU KEMUNGKINAN YANG DIBINCANGKAN OLEH PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, DENGAN RAKAN SEJAWATANNYA, PUAN MARGARET THATCHER, PADA MESYUARAT PERTAMA MEREKA DI SINI HARI INI.

PUAN THATCHER MEMBERITAHU DATUK SERI DR MAHATHIR BAHAWA BELIAU INGIN MELIHAT RAKYAT BRITAIN MEMBELI KERETA BUATAN MALAYSIA ITU.

PADA MESYUARAT AWAL ITU, YANG DIKATAKAN BERLANGSUNG DALAM +SUASANA TENANG DAN MESRA+ DI LEBUH DOWNING, SEJURUS SELEPAS DATUK SERI DR MAHATHIR DISAMBUT SECARA RASMI SEMPENA LAWATAN ENAM HARINYA KE BRITAIN, KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU MEMBINCANGKAN PELBAGAI PERKARA TERMASUK MENGENAI PERANG TELUK, SUASANA EKONOMI DUNIA, PENYALAHGUNAAN DAN PENGEDARAN NAJIS DADAH DAN HUBUNGAN DUA HALA TERUTAMA YANG BERKAITAN DENGAN PERDAGANGAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHU PUAN THATCHER BAHAWA DUNIA HENDAKLAH MENERIMA SUATU BENTUK PEMBAHAGIAN KERJA IAITU NEGARA-NEGARA MAJU MENUMPUKAN KEPADA INDUSTRI YANG LEBIH SOFISTIKATED MANAKALA NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN MENUMPUKAN KEPADA INDUSTRI YANG KURANG SOFISTIKATED.

SAMBIL MENGAITKAN SOAL INI KEPADA PERDAGANGAN ANTARA NEGARA-NEGARA MAJU DAN SEDANG MEMBANGUN, DATUK SERI DR MAHATHIR MENIMBULKAN SOAL DISKRIMINASI MENGENAI DUTI TERHADAP MINYAK SAWIT TAPIS MALAYSIA KE PASARAN KESATUAN EROPAH. -- LAGI
1230MST 21 07 87

MAHATHIR - THATCHER 2 LONDON

(1)

MINYAK SAWIT TAPIS DARI MALAYSIA DIKENAKAN CUKAI 12 PERATUS OLEH EEC MANAKALA MINYAK SAWIT MENTAH HANYA EMPAT PERATUS.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERPENDAPAT KADAR DUTI YANG TINGGI TERHADAP MINYAK SAWIT TAPIS ADALAH TIDAK ADIL KERANA PROSES MUDAH SEPERTI ITU HENDAKLAH DIJALANKAN OLEH NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN, DAN MEREKA TIDAK SEPATUTNYA DIHALANG DARIPADA MENGGUNAKAN TEKNOLOGI MUDAH ITU DENGAN DIKENAKAN CUKAI ITU OLEH NEGARA-NEGARA MAJU.

KEADAAN YANG SAMA JUGA PERLU DILAKUKAN TERHADAP INDUSTRI ELEKTRONIK DAN TEKSTIL DENGAN MEMINDAHKAN USAHA YANG TIDAK MENGUNTUNGGAN BAGI NEGARA-NEGARA MAJU KE NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN, KATANYA.

PUAN THATCHER MEMBERITAHU DATUK SERI DR MAHATHIR, BELIAU SEDANG MEMBANTU INDUSTRI MINYAK SAWIT MALAYSIA MELALUI INISIATIFNYA PADA MESYUARAT EEC APABILA BELIAU MENDAPAT SOKONGAN JERMAN BARAT, BELANDA DAN DENMARK MENENTANG CADANGAN MENGENAI SEKATAN-SEKATAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGUCAPKAN TERIMA KASIH ATAS INISIATIF PUAN THATCHER ITU. -- LAGI
1245MST 21 07 87

MAHATHIR - THATCHER 3 LONDON

(I)

BAGAIMANAPUN, MASIH WUJUD PERSOALAN MENGENAI KETIDAKSEIMBANGAN PERDAGANGAN ANTARA BRITAIN DAN MALAYSIA -- SATU PERSOALAN YANG MENIMBULKAN DUA PANDANGAN BERDASARKAN PENTAFSIRAN PERANGKAAAN YANG BERBEZA.

MASALAH INI DISEBABKAN OLEH KAEDAH NEGARA-NEGARA EROPAH YANG MEMASUKKAN SENARAI KELUARAN MALAYSIA YANG DIIMPORT MENERUSI SEBUAH NEGARA KETIGA (MISALNYA SINGAPURA) DALAM PERANGKAAAN JUMLAH EKSPORT MALAYSIA.

PUAN THATCHER DIBERITAHU BAHAWA MALAYSIA BERPENDAPAT WUJUD KETIDAKSEIMBANGAN YANG MENGUNTINGKAN BRITAIN, TERUTAMA DALAM PERDAGANGAN TIDAK KETARA. DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERDAGANGAN DUA HALA ANTARA KEDUA-DUA NEGARA PERLU DIPELBAGAIKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERCAKAP MENGENAI PROGRAM MALAYSIA UNTUK MENGALIH DARIPADA SEKTOR KOMODITI KEPADA PEMBUATAN, DAN MENJELASKAN MENGENAI PENGELUARAN KERETA NASIONAL, DAN KEMUNGKINAN BEKERJASAMA DENGAN BRITAIN UNTUK MEMBUAT BAHAGIAN-BAHAGIAN KERETA.

MALAH, MALAYSIA TELAH PUN BERBINCANG DENGAN BEBERAPA SYARIKAT BRITISH DAN JUGA AMERIKA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- LAGI
1319MST 21 07 87

0051

U B226 AAB

MAHATHIR - THATCHER 4 LONDON

(I)

MENGENAI ISU-ISU BUKAN PERDAGANGAN, KEDUA-DUA PERDANA MENTERI BERBINCANG DENGAN LEBIH MENDALAM MENGENAI PERANG IRAN-IRAQ DAN PERKEMBANGAN MASA KINI DALAM MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU, DAN PELBAGAI USAHA YANG DIHARAPKAN OLEH MAJLIS KESELAMATAN UNTUK MEWUJUDKAN GENJATAN SENJATA DAN PEMBERHENTIAN BEKALAN SENJATA.

BERNAMA DIFAHAMKAN BAHAWA PUAN THATCHER MENGGARISKAN HAKIKAT BAHAWA USAHA SEKARANG ADALAH PENTING -- IAITU LIMA ANGGOTA TETAP SEDANG BERBINCANG UNTUK MEWUJUDKAN GENJATAN SENJATA.

KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU MEMPUNYAI TANGGAPAN YANG SAMA MENGENAI KONFLIK ITU, DAN PENTINGNYA IA DITAMATKAN SEGERA.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG BARU-BARU INI DIPILIH SEBAGAI PRESIDEN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI PENYALAHGUNAAN DAN PENGEDARAN NAJIS DADAH DI VIENNA, JUGA BERTUKAR-TUKAR PENDAPAT DENGAN PUAN THATCHER MENGENAI PERKARA ITU.

PUAN THATCHER MENJELASKAN KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR MENGENAI USAHA YANG DIJALANKAN OLEH BRITAIN UNTUK MEMERANGI GEJALA ITU, TERUTAMA DENGAN MEMPERKENALKAN UNDANG-UNDANG YANG MEMBENARKAN RAMPASAN HASIL YANG DIPEROLEHI DARIPADA PENGEDARAN NAJIS DADAH. -- LAGI

1322MST 21 07 87

0052

U B227 AAB

MAHATHIR - THATCHER 5 LONDON

(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERPENDAPAT TINDAKAN BERSEPADU PADA PERINGKAT ANTARABANGSA ADALAH PERLU KERANA TIDAK ADA NEGARA YANG MAMPU MEMERANGI NAJIS DADAH SECARA BERSENDIRIAN.

MEREKA KEMUDIAN BERSETUJU MENERUSKAN PERBINCANGAN PADA JAMUAN MALAM OLEH PUAN THATCHER DI LEBUH DOWNING PADA SEBELAH PETANG. -- BERNAMA

1322MST 21 07 87